
アレカドラ LOVE ナO KEタセ
ナトタカドラ ぐOK KEタセエカム
YOU CAN'T

BUY BACK
YOUR LIFE


ナトエラ エラ タ ぐKエEカセスエカE
MASKED MR READER
エラレ 6 セELEポヨEK 08



Akhirnya siap jugak zine gua ni. sampai jugak ke penghujung kertas. Penghujung sudut dunia. Gua juga amat-amat mengalu-alukan sebarang kontribusi dari kawan-kawan. Kirim lah apa-apa pun yang lu mau kirim, tapi jangan lupa gua juga mempunyai kebijakan tersendiri atas segala kontribusi. Gua tidak menerima kontribusi bersifat rasis, fasis, homophobic, profit-oriented dan segala jenis taik lain. Faham-faham sudah! Kirimkan juga demo/cd/kaset/piring hitam/pinggang mangkuk untuk gua ulaskan di dalam zine ini. Dan gua juga tidak menjanjikan ulasan yang bagus dan mendukung. Kalau lu tak bagi apa-apa kontribusi, lu bukan kawan gua! Hahaha. Ugut sket. Gua harapkan isu ini akan memberi sedikit impak positif kepada lu olang semua! Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuhan yang Esa, Rasul, family, asma 3D, river foo (wwf), komrad human first collective, kawan-kawan kolektif lain, kawan-kawan diy, aktivis / punkers seluruh dunia, dan sesiapa saja yang telah menjadikan isu ini suatu realiti. Aktif terus!





Sudut Karya

Kawan-kawan
Kenapa mahu lawan?
Dulu sama-sama sekawan
Kongsi teh secawan

Kawan-kawan kenapa mahu lawan?
Mereka maju kedepan,
Kita cari jalan
Jatukan lawan

Kawan-kawan
Kenapa mau lawan?
Kan cukup rezeki tuhan
Buat kita sama-sama makan

Kawan-kawan
Bukan nak cari lawan
Sekadar nak ingatkan teman
Hati-hati dengan gunting dalam lipatan

Kawan-kawan
Kita hidup sekawan,
Bersatulah sekelian
Percaya apa yang kita perjuangkan

Kawan-kawan
Kotakan apa yang kau laungkan
Lawan semua halangan
Kamu akan senang

Kawan-kawan
Kaji ini pesanan
Kawan jadi lawan
Lawan jadi kawan



Oleh: anic

A friend should be radical;
They should love you when you are unlovable
Hug you when you are unhuggable
Bear when you are unbearable

A friend should be fanatical;
They should cheer when the whole world boos,
Dance when you get good news,
And cry when you cry too

But most of all, a friend should be mathematical,
They should multiply the joy,
Devide the sorrow,
Subtract the past and add to tomorrow
Calculate the need deep in your heart,
And always bigger than the sum of their parts.

Oleh: yuen

Dalam mencari erti 'kedewasaan'
Kita lalui kehidupan
Penuh 'erti' dan 'realiti'

Mencari nur di celah-celah perjalanan..
Hidup memang senang
Tapi untuk 'survive'
Itu memang payah

Barangkali kita 'berjaya'
Barangkali kita 'gagal'
Kalau ada yang berjaya
Pasti ada yang gagal
Kalau ada yang gembira
Pasti ada yang sedih
Semuanya adalah kehidupan

Oleh:nurhisyametal

SUDUT SURAT



Surat 1

Assalamualaikum!

Hamzah sini tulis. Ampun anix terlalu lewat membalas, mengguriskan pelbagai hal di sini. Harap kamu tidak tawar hati. Nah! Beberapa keping RSJ iri nov 08 untuk kamu tebarkan. Tema kasih juga untuk mendapatkan bahan tersebut. Alamak! Tentang free copy beberapa tahun lepas, aku tak pasti tapi yang pasti aktiviti surat menyurat aku memang tidak aktif sehingga lewat 07 baru aku gunakan (banyak aktiviti rip-off!) apapun tema kasih untuk masked reader isu 5 kamu. Secara total aku puas hati isi kandungan bahan kamu. Tapi lagi chantek wawancara aktivis/kolektif macam sbm bikin dulu, sebab bahan kamu lebih kepada info jalanan. Artikel juga sedikit unik. Tidak tipikal (syabas untuk penarik inn story, aku suka cara dia bercherita!) dari segi fizikal bahan, tip top sangat…kreatif lagi kawan! Total aku puas hati bahan kamu sajikan. Rm3 kira berbaloi untuk pembaca. Ah! Lagi chantek kolek info-info gerakan/kolektif/ngo yang sedang rancang macam-macam projek. At least itu juga informasi berguna.

Baiklah anix, banyak lagi surat nak aku siapkan pagi ni. esok @ lusa boleh pos semua. Sori sebab terlalu lewat sangat aku poskan RSJ ini. Oklah, kawan! Jumpa lagi nanti. Alamak! Kontribusi, tunggu-tunggu dulu lah. Banyak kerja..ada, aku terus hantar pada kamu..orite, chow! –hamzah

INDIEPENDENT DISTRO
Peti Surat No. 2
Pejabat Pos Sabak Bernam
Selangor Darul Ehsan

Surat 2

hehehe....ade sesuatu hal yang tak kena dngan punk dalam arti sebuah perjuangan..aku juga macam dah malas nak hidup dalam punk ni.tapi aku akan cuba untuk terus mewarnai punk dengan cara yang terbaik versi aku sendiri..heheh. boleh punk tapi jangan dalam gerakan punk. ko faham apa yang aku tulis ni?hehe..ko cari sendiri..

combinekan satu gerakan dalam punk. punk tak berarti hanya musik dan fashion. tapi punk punya filosofi tersendiri. dan sekarang punk telah total kalah dalam sebuah gerakan perjuangan J dan bagaimana menjadi kan diri kita punk yang tak mandul dan bodoh macam punk-punk bodoh yang tersedia saat ini dengan musik dan bisnes mereka sesama punk?

nix..sebuah perjuangan itu perlu kekuatan. gabungkan kekuatan menjadi satu. anarki takkan habis dalam memikir. luaskan jarak jalan ko, mula pelajari apa yang belum pernah ko telusur dan pelajari..aku percaya ko akan banyak mengerti :) salam sayang -gaf



Sudut editorealiti

Assalamualaikum, Salam sayang dan salam sejatera ke atas semua kawan-kawan. Apa khabar kalian di luar sana? Gua harap kondisi kalian tika saat ini baik-baik aja bersama orang tersayang. Akhirnya, dapat jugak gua rilis isu 6 ni walaupun baru dua bulan isu 5 dirilis. Dapat jugak aku rilis walaupun sebelum ni aku lebih banyak berfantasi. Hehe. Sebenarnya gua juga tak menyangka akan merilis isu terbaru dalam masa yang terdekat ini. Gua ingat gua nak rilek-rilek, santai-santai dulu dengan kehidupan. Gua tak nak la hidup gua pack sangat dengan aktiviti. Tapi kalau dah minat, nak buat macam mana ye tak? Kalau takde masa sekalipun, tapi bila dah minat akan tetap ada masa juga nanti. Adjust la walau macam mana pun. Masa percuma dan kerajinan akan muncul jua. Tapi untuk isu ni, mungkin penceritaan gua tak banyak. Banyak la yang tak kena. Gua terkejar-kejar dateline. Gua nak jugak rilis masa peace gig nanti, 20hb 12 2008. Nak cerita banyak menda yang tak best ni tak bolhe jugak, nanti mood lu olang nak baca zine ni akan berkurang. Jadi segala apa yang gua nak sampaikan tak akan sampai secara langsung!

Yup, gua bisa membuat zine ini sendirian. Tapi gua tak bisa sendirian jadikan ianya berkualitas, kritis dan sukses. Gua boleh, tapi hasilnya hampeh. Jadi untuk itu gua amat-amat perlukan kontribusi dari lu olang semua. Tidak kira lah kontribusi dari segi apa pun. Asalkan ianya membantu, bukan hanya membatu. Cd/kaset/ fanzine dan lain-lain amat gua perlukan. Semua ini adalah isi akal dari anda. Di dalam kertas itulah karya atau idea si penulis boleh diedarkan kepada komuniti hc/punk. Di dalam kaset itulah idea-idea pemuzik bawah tanah berkarya dan dijual dengan harga yang murah kerana tiada campur tangan dari pihak pemodal besar. Gua juga perlukan sebarang bentuk artikel yang bebas dari ideologi-ideologi busuk. Makanya zine ini bukanlah zine gua sendiri tapi zine semua orang yang berkontribusi. Sebab itu juga gua letak, this is a friendzine. Medium alternative untuk kawan-kawan luahkan segala perasaan. Luah segala apa yang terbuku. Apa yang terpendam. Tapi saat ini juga gua tidak menerima banyak kontribusi dari kalian. Yeah, gua faham. Kalian juga punya kehidupan sendiri. Mungkin agak sibuk dengan aktivitas seharian. Gua memahaminya. Tapi takkan malam sibuk jugak? Entahlah.



Apa yang penting, gua amat sukakan waktu malam. Suka sangat-sangat. Gua kurang suka waktu siang sebab otak gua separa fungsi. Tertekan dengan banyak hal. Tapi siapa peduli? Malam ni best sebab suasananya, sejuk, nyaman dan santai. Bila malam tiba, hidup aku jadi lebih privasi. Lebih bebas di dunia yang banyak sekatannya ni. banyak sebab kenapa gua suka waktu malam. Sebab itulah saat ini gua belum tidur lagi. Jam sudah menunjukkan lewat 3.07 pagi. Gua masih segar lagi dan mempunyai sedikit kerajinan untuk menaip. Sebab tu aku disini. Menaip untuk kalian semua. Gua ni seorang yang rajin rupanya! Haha Kerajinan gua ni mungkin terinspirasi dengan kerajinan beberapa editor fanzine lain. DRSA # 9 dan MOSH #11 sudah rilis. ROOTS isu 10 dalam pembikinan. Went dan parid dengan zine baru masing-masing. Tidak lupa juga abang kental, cho dengan zine barunya. Maju terus komrad..Up the zine!!

Berbicara mengenai isu lepas, gua amat berpuas hati dengannya. Jangan marah aaa...berpuas hati dengan susun aturnya dan isinya juga mungkin. Gua tak tahu lu olang macam mana. Ada juga yang bagi feedback. Setakat ni feedback yang diterima adalah dari segi erm...macam mana nak cakap eh? dalam bahasa Malaysia dipanggil 'pujian'. Hahaha. Banyak yang berbau pujian yang harum scarum. Acap kali juga bontot gua terasa kembangnya. Adakah itu menunjukkan gua bangga?! Lu da start merepek la anix!

Berbalik isu yang kelima. Isu tu kurang DIY gua rasa berbanding dengan isu sebelumnya. Isu sebelum-sebelum ni gua banyak buat sendiri. 60% la gua buat sendiri. Dari susun aturnya ke isi kandungannya. Berbeda dengan isu 5 yang mana begitu ramai sekali kawan-kawan yang membantu. Sampaikan nak fotokopi dan urusan pengeposan gua terpaksa minta bantuan dari parid dan weng. Itu pun belum termasuk dengan isi kat dalam. Ruangan review yang pendek tu, parid yang buat. Haha. Adakah gua masih total DIY?

Sudut Ulasan



INNERVIEW #2

Masih seperti isu lepas, banyak temubual dimuatkan iaitu temubual dengan Fahmi Reza, Fahmi FSF, Saiful Razman, The Hans, Molotov, Weng, Thee Dr Fascist Insect, Jerkysuck, dan Rubbish. Ruangan Arty Fartsy kali ini banyak memuatkan hasil kerja dari 'otakkapasitirendah'. Dalam blognya ada juga diletakkan. Aku da check. Haha. Lain-lain, diselitkan sedikit artikel dan puisi. Dalam bahasa inggeris. Apa yang aku boleh katakan, isu best dan santai. RM4ppd. (innerviewteam[at]gmail.com)



DRSA #9

Artikel mengenai Freemason memang menarik untuk dibaca. Tunggu sambungannya di isu akan datang. Aku pun dah terlebih excited dengan zine ni dan mungkin akan lebih gila menunggu isu seterusnya. Ahaha. Memuatkan temubual bersama aktivis Ayie Bullat dan Hishamuddin Rais. Terdapat juga aritkel yang disumbangkan oleh rakan-rakan penulis. Dalam bahasa Malaysia bukan UGANDA. RM3 (drsa[at] rocketmail.com)

ROOTS #9

Rudup pemikiran(editorial) saja mempunyai 11 bab. Tebal. Menceritakan tentang kisah peribadi editor. Dari kisah lama hingga ke gig hingga ke hobinya. Memang panjang gila. Kalah novel kat kedai. Jalan cerita hidup din ni menarik kalau buat telenovela. Haha. Temubual Alchemy of Sickness tergantung dan mungkin disambung diisu akan datang. Muzik dan zine diulas panjang-panjang. Ada lagi ruangan surat, SMS, kolum dan gambar. RM10 (stoor_nid [at]yahoo.com)

RANJAU DIJALANAN #1

Gambar depan tak berapa jelas. Mungkin kualiti fotokopi yang aku dapat ni tak berapa elok. Mungkin ada silap di mana-mana. Gambar empat orang pemuda yang sedang berjalan. View dari belakang. Suasana desa. Mengandungi editorial, kolum, interview bersama depress, nizangmosh, mohd jen, din akar, band bio dan banyak lagilah. Aku suka jugak dengan zine ni. berbaloi dengan harga. Aku paling suka baca part balasan email antara mohd jen dengan seorang individu bernama dauz. Nak tahu apa yang dibahaskan? Panas ni. beli suda! RM3 kepada acyd, no 160, jalan siantan, felda sungai sibol, 81000 kulai, johor, Malaysia, atas bumi. hehe



Seekor penyu betina yang dijumpai terdampar mati di Pantai Kerteh.

Sudut Ulasan

ARGUE DAMNATION ◆re-cycle old pure hardocore punk scum◆ CD



Argue Damnation adalah band yang berasal dari Jepun dan CD ini merupakan koleksi lagu mereka dari 1994-2003. Memainkan muzik t-h-r-a-s-h-p-u-n-k. Di sleeve terdapat gambar semasa beraksi dan info mengenai lagu mereka. Lirik disertakan dalam dwi-bahasa iaitu Inggeris dan Jepun. Hampir keseluruhan lagu dinyanyikan dalam bahasa ibunda mereka. Ada 41 buah lagu. Sila beri perhatian kepada trak 1-16. Power. Lagu-lagu dari Direct Action Now LP. (MCR co.)

CAREER SUICIDE ◆anthology of releases 2001-2003◆ CD



Cd ni adalah diskografi mereka bahagian 1. Lagu diambil dari Sars EP, s/t EP, s/t LP, demo pertama dan demo kedua. Jumlah keseluruhan lagu 44 buah. Memang berbaloi. Cara permainan pula, boleh kata macam old school punk rock(betul ke?), ataupun snotty punk rock. Lebih kurang lah. Kualiti rekoding memang baik walaupon lagu dari demo. Disediakan sekali booklet setebal 16 mukasurat dan disertakan info tentang rilisan dan kisah disebalik pembikinannya. Gambar-gambar pun banyak dan berwarna. Oh, mereka berasal dari Kanada. Jadi, dapatkan diskografi bahagian 2 pula. (Deranged Records)

EXTINCT GOVERNMENT s/t CD



Orang cakap band ni kira macam Exploited versi Japan . Tapi tak taulah aku tak arif pasal Exploited ni. Senang je pada aku, aku cakap band ni main punk yang bermelodi dan sekali sekala nyanyi ramai-ramai. Sekali sekala ada solo gitar. Lagu ◆Death comes all along◆ memang berhantu! Lagu hit mereka iaitu ◆destruction ?creation?◆ pun ada tapi direkod semula. Keseluruhannya terdapat 14 lagu. Tak pasti la semua lagu direkod semula atau lagu baru. Punk kental! (E-G-R)



WOLFBRIGADE ◆prey to the world◆ CD

Semua mesti dah tau kan band yang berasal dari Sweden ni. Material terbaru mereka selepas ◆bubar◆ untuk seketika. Jika versi piring hitam, ia mengandungi 1 bonus trek untuk versi Eropah dan 1 bonus trek untuk versi Amerika. Dan(!) untuk Cd, ia mempunyai kedua-duanya. Untungkan!. 13 buah lagu. Trek yang direkomendasikan ialah semua sekali walaupun ini bukanlah material terbaik mereka.Hehe. Swedish d-beat crust? Dapatkan ini. (MCR co.)

MOSH #11

Mengandungi temubual bersama Yogyakarta, The Liberals, Half-Asleep, Love as Arson, Straw 'O, The Tunelari, dan Rebel for X. Selain itu, ada ruangan editorial dan ulasan musik dan zine. Artwork dilukis oleh Min Always Last. Ditulis dalam bahasa inggeris. RM4ppd/trade. (nizangmosh[at]gmail.com)

BEBAL #4

Lebih tebal dari isu-isu sebelumnya. Terdapat kolum yang mengungkap fungsi zine, Vegan Straight Edge yang diterjemahkan dari penulisan Mac Evasion dalam HaC. Tapi terjemahannya sukar difahami. Temubual bersama Daighila, Kontrabrawl Distro yang diambil dari zine Solidaritas dan dialih bahasa. Juga ruangan ulasan yang tidak keterlaluan. RM2/ RM3ppd. (azizi_grindcore[at]yahoo.com)

Sudut editorealiti

Gua masih ingat lagi di mana saat gua baru sahaja selesai pulang dari memfotokopi zine, gua terus menunjukkan hasilnya kepada teman-teman dan salah seorang daripadanya cakap lebih kurang macam ni, 'mu dop DIY la photostet kedai'

Gua pada mulanya ingatkan itu hanya sindiran, tapi riak muka dia menunjukkan dia tiada niat nak bergurau. Sempat jugak bersembang dan berhujah pasal DIY. Gua pun tak tahu la dia dapat catch ke tidak apa yang aku utarakan. Masa tu perjalanan darah laju dari biasa macam tengah derma darah, urat saraf jadi kejang, muka dari dulu dah tegang (awet muda). Haha. Gua tertanya-tanya di dalam hati, ' adakah definisi DIY gua yang salah atau gua masih buta tentang DIY?

Bagi gua, untuk totally DIY 100% adalah mustahil. Contohnya untuk kes tadi, mustahil untuk gua membuat mesin fotokopi sendiri, kertas sendiri, dakwat sendiri dan sebagainya. Semua perkara-perkara ini tidak pernah terpelajar untuk membuatnya. Semuanya di luar keterbatasan gua. Adalah begitu mustahil untuk gua membuat mesin fotokopi sendirian bukan? Setiap manusia ada keterbatasannya. Tidak mungkin seorang manusia tahu segala hal di dunia ini. Lu pandai dalam bidang ni. gua pulak dalam bidang ni.

DIY? Apa itu DIY? Do it yourself, atau dalam bahasa melayunya membuat sendiri. Atau Dibuat Individu dengan Yakin, kata fazri. Dulu bagi gua DIY hanyala mekanisme membuat sendiri produk-produk punk. Seperti membuat demo cd, kaset, sablon, acara gig dan fanzine. Ikhlas gua cakap, dulu gua punya pemikiran tentang DIY agak ortodoks. Gua tiada pendedahan tentang apa itu DIY. Gua tiada teman-teman untuk berbicara. Gua tiada awek punk untuk luah bicara J Lagipun masa dulu takde lagi myspace :p haahahah. Gua samar-samar tentang DIY. Gua tidak tahu yang ideologi DIY ini adalah sebenarnya luas skopnya. Luas kalau kita lihat dari berbeda kacamata. Tidak hanya dalam relung mekanisme pembuatan sahaja. Malah DIY adalah lebih dari itu. Lebih dari apa yang lu olang fikirkan sekarang. DIY adalah merangkumi kehidupan. DIY adalah kehidupan. Kehidupan alternatif yang menolak sistem untuk terus bertahan hidup. A//E// F yang kamu selalu laung-laungkan itu juga adalah cabang DIY bagi aku.

Lu olang membuat sesuatu tanpa ada campur tangan dari pihak lain. Lu olang yang berhak ke atasnya dan lu juga yang berhak mengontrol diri badan lu. Tiada sesiapa yang berkuasa di atas diri lu. Lu yang memberi arahan kepada otak dan otak lu juga akan memberikan tindak balas kepada anggota badan lu. Lu, lu. Gua, gua. Hehe. Dan itu sudah semestinya DIY. Lu menolak segala bentuk hirarki, perbedaan kasta/kelas dan pergantungan kepada kaum pemodal besar. Segala-galanya di atas kawalan



diri lu dan lu bebas untuk membuat keputusan. Itulah merdeka. Lu merdeka bila lu bebas membuat keputusan.

Sudut editorealiti

DIY juga boleh dikelaskan sebagai satu filosofi yang tidak hanya mementingkan keuntungan maksimum sahaja. Bagaimana lu kata lu DIY sedangkan lu buat secara kolektif? Kamu juga DIY sebenarnya walaupun melibatkan ramai individu. Dan lu dah menukar DIY menjadi DIT. Haha. Do It Together.



DIY+DIY=DIT

Yeah, sekarang mari kita gunakan DIT dan kita buat sesuatu beramai-ramai. Bukankah ianya suatu yang mengembirakan? So, mari kita berkolektif dan bergabung energi, solidarity dan idea. Mulakan dan wujudkan sebuah kolektif di tempat lu. Lu akan senang dalam banyak hal.

Dua tiga hari yang lepas gua di uji dengan sedikit ujian. Ujian yang agak berat. Jarang sekali gua kena penyakit ni. Ni first time kot J gua selalu gosok gigi eh. Gua tak macam parid. Nak pulak elaun gua kena potong dalam kuantiti yang agak banyak. Tapi biasalah, dah dasar pemalas. Haha. Sakit gigi adalah suatu penyakit yang memang buat mood seseorang individu itu boleh berubah. Dari mood kondisi gembira kepada seorang pemarah kental. Heh! Tapi memang sangat sakit. Mungkin sebab banyak makan coklat (cok'let-kata cho!), gula-gula dan aiskrim kot. Gula-gula dengan coklat tak sama ke? Hehe. Sakit gigi tu menyerang dengan dasyat sekali sebelum gua tidur hari tu. Adeh,sakit... Rasa menyucuk je. Rasa nak lempang je orang yang ada berhampiran. Nasib baik kena masa nak tidur. Takde orang kat tepi.

Nak kata aku tak gosok gigi, gua selalu gosok. Tak penah miss. Tapi malam ni entah datang bulan kea pa kena sakit gigi. Lepas tu rasa macam kebas, lepas tu rasa macam sakit. Memang tak sakit pun. Lu nak kena lempang dengan kaki? Terpaksa la melayan rasa sakit walaupun tak nak layan. Nasib baik gua ada seorang mak yang berpengetahuan dalam petua-petua ni. Jadi, beliau memberi sedikit petua kepada gua untuk mengurangkan rasa sakit tu. Sebelum tu beliau suruh gua layan je. pastu gua asyik merengek je tak tentu hala. Akhirnya gua diberi sedikit tips. Suka di sini untuk gua berkongsi dengan anda petua yang mudah dan senang tu. Caranya mudah sahaja. Ambil sedikit bunga cengkih dan digiling halus kemudian letakkan pada gigi yang sakit. InsyaAllah akan berkurang kesakitan pada gigi. Gua dah cuba, lu bagaimana? Lu tak punk la kalau tak pernah sakit gigi. ^_^

Di sini gua nak kongsi dengan lu tentang khasiat bunga cengkih. Cengkih ini mengandungi minyak atsiri, senyawa kimia seperti eugenin, asam oleanolat, vanilin. Selain digunakan dalam masakan, bunga cengkih juga baik untuk kesihatan dan punya khasiat tersendiri. Antara kelebihan makan bunga cengkih ialah : Paru-paru dapat berfungsi dengan baik yang membolehkan suara sentiasa lantang, jantung berdegup dengan baik yang menjamin kesihatan, mata dapat melihat dengan baik walau pun telah berusia, gigi dapat tahan daripada gangguan ulat sehingga tahan lama, otak sentiasa berkembang yang menguatkan ingatan berbanding suka minum ais atau pulut yang membawa kepada tertutupnya otak yang melemahkan ingatan. Kat dalam zine ni gua juga ada letakkan sedikit info dan kegunaan cengkih ni. Dah jadi macam magazine mainstream la pulak. Bedal suda! Lagi satu gua nak pesan, lu jangan main-main dengan orang sakit gigi! Deh!



Sudut Artikel



Protes itu adalah hak rakyat yang tertindas! Kami golongan minority, juga rakyat Malaysia dan kami juga tertindas. Ustaz tertindas juga ke? Bagaimana cara protes itu, terserah. Semua punya inisiatif sendiri. Adakah salah kami ingin memperbetulkan apa yang tidak betul? Kami memprotes melalui berbagai medium dan cara. Muzik adalah salah satu daripadanya. Kami tidak bersetuju dengan ustaz membantah sebab ada anak-anak muda bermain muzik. Walhal, anak-anak muda inilah yang lantang dalam menyuarakan sesuatu hal. Muzik kami bermesejkan positif. Tidak sama seperti apa yang dilalakkan oleh mawi! Dia pernah melalak di Kelantan. So, apa cerita? Di mana ustaz ketika itu? Kenapa ustaz tidak membantah je konsert mawi tu? Owh, di mana mawi sekarang? Dia orang kaya! Tidak perlu bersusah payah untuk ini semua. Dia boleh beli minyak bertong-tong. Mungkin dia boleh beli ustaz juga!

Fahami dan hormati perbezaan antara kita! Hormta-menghormati adalah amalan mulia!

p/s: Kenapa ramai yang sayangkan nik aziz? Kenapa tidak ramai yang sayangkan ustaz? Sebab cara dan pendekatan yang digunakan berbeda.

SUDUT WARISAN

Sakit gigi: Cara I: Beberapa lembar daun cengkih dicuci, diseduh dengan air mendidih, kemudian dilumatkan. Peras dengan kain. Basahi kapas dengan cairannya, jejalkan ke lubang gigi yang sakit. Cara II: Teteskan setetes minyak cengkih ke kapas dan jejalkan ke lubang gigi yang sakit. Jangan diulangi sebelum 8 jam dan jangan digunakan lebih dari 2 hari sebabbisa merusak gigi.

Bau mulut: 5 bunga cengkih dicuci, diseduh dengan 1/2 gelas air. Biarkan dingin. Airnya dipakai untuk berkumur.

Mual: 5 bunga cengkih dicuci, diseduh dengan 1/2 gelas air. Biarkan dingin. Airnya dipakai untuk berkumur. Bisa diminum selagi hangat untuk obat mual.

Nyeri haid: 2 bunga cengkih, 7 ketumbar, kunyit berukuran 2 cm dikupas, dicuci, 1 sendok teh rata parutan biji pala. Semua direbus dengan 1 gelas air sampai airnya tinggal setengah. Saring. Airnya diminum hangat-hangat.

Batuk rejan: 5 bunga cengkih, 10 helai daun sirih, 1 potong kayu manis Cina berukuran 5 cm dicuci, 1 sendok rata parutan biji pala, direbus dengan 1 l air sampai airnya tinggal setengah. Diminum beberapa kali sehari.

Demam akibat malaria: 3 bunga cengkih, 4 iris temulawak, 5 tanaman meniran beserta akarnya, sepotong kayu manis Cina berukuran 5 cm, semua dicuci. Rebus dengan segelas air sampai airnya tinggal setengah.

Batuk: 10 bunga cengkih, 10 helai daun sirih, daging buah pala dari satu pala. Semua dicuci. Pala dimemarkan. Rebus dengan 3 gelas air sampai airnya tinggal setengah. Biarkan dingin. Minum 3x sehari @ 4 sendok makan. (Anak-anak cukup separuhnya). Setiap kali akan diminum tambahkan perasan air jeruk nipis dari 1 iris jeruk.

Menghitamkan alis: 5 cengkih kering disangrai lalu dihaluskan. 5 kemiri dibakar sampai keluar minyaknya, lalu minyaknya diambil. Campur minyak kemiri dengan cengkih halus. Oleskan setiap malam pada alis.

Sudut Temuramah

8) Bolehkah budaya hc/punk ni diterima oleh masyarakat? Bagaimana? Apa masalah besar yang dihadapi oleh scene di sana?
boleh..kalau kita tunjuk kan gerakkan hc/punx ni penting kepada masyarakat...masalah besar kat sini takde kot..mak bapak kami pun suka dan layan MISFITS dgn DEAD KENENDYS..

9) Apa perbezaan antara peraturan, kawalan dan panduan? Apakah manusia perlu kepada peraturan?
peraturan..kalau betul bgus gak tapi kalau menindas dan menyusah kan manusia pegi jahanam...kawalan...kami x suka pada kawalan sbb kami bukan robot utk dikawal-kawal..panduan..kalau berguna kami ikut kalau x berguna dan menyusah kan diri pegi jahanam...

10) Ini mengenai lagu anda semua, 'sistem bangsat'. Sistem apa yang anda katakan bangsat itu? Bila aku dengar je lagu ni, aku teringat kepada inikah hidup. Haha. Adakah inikah hidup juga salah satu influence band ni?
lagu sistem bangsat ni...menceritakan ttg sistem kat dunia ni habis suma dikawal oleh kapatilis-kapatilis sialan dan kapatilis paling besar dan kejam di kawal oleh amarika george bush fuckk off...Inikah Hidup...sorry kami mmg tak pernah dgr band ni dan tak tahu musik apa yang Inikah hidup mainkan...influece band adalah CRASS,MISFITS,DEAD KENENDYS,BLACK-FLAG,S.O.D,ANTI-FLAG,T.S.O.L,ONE WAY SYSTEM,THE CLASH,GG ALLIN,INGGY POP,DEFIANCE,DISCLOSE,DISCHARGE, ZOUNDS,DOOM,BAD RELIGION,THE EPILEPTICS (AKA FLUX OF PINK INDIANS),THE MOB,POISON GIRLS,THE SNIPERS,THE DEFORMED, THE ASTRONAUTS,D.R.I,AUS ROTTEN,THE APOSTLES,CONFLICT,GAUZE,POISON IVY,CLUSTER BOMB UNIT dan OI POLLOII...

11) Aku rasa setakat ni je dulu. aku tengah blur dan mamai! Haha. Ada penambahan? Kata-kata terakhir?
terima kasih pada editor CIK ANYX kerna sudi menemuramah kami yang tak hensem dan jahat ni...tima kasih byk2..akhir kata majulah punx utk semua..viva la revolusi...peace and punx...daa

Ini adalah sedikit kata-kata balasan yang gua luahkan kepada seorang ustaz. Gua lupa nama dia. Tapi yang pasti ustaz ni membahtah penglibatan pemuzik underground dalam perhimpunan sejuta rakyat turun harga minyak (protes) hari tu. layan sudah!

Assalamualaikum! Sejahtera ke atas kamu!

Kita ada akal, apa guna akal? Kita ada mata, Apa guna mata? Kita punya hati, apa guna hati? Kita ada perasaan, apa guna perasaan? Semua orang ada akal, ada mata, ada hati, ada perasaan! Kami anak-anak hc/punk juga manusia!

Buka mata, biar terang!

Buka minda, biar tenang!

Buka hati, biar senang!

Buka seluar, biar telanjang!

Rakyat Malaysia adalah berbilang kaum, berbilang bangsa dan agama! Tapi ini tidak menjadi penghalang untuk kita bersatu memprotes kezaliman pemerintah. Rakyat Malaysia juga punya pelbagai perasaan ,cara hidup dan citarasa! Tidak pelik jika ada yang memprotes melalui muzik, Memprotes melalui media massa. Memprotes melalui seni dan sebagainya. Kami dengan cara kami. Ustaz juga dengan cara ustaz sendiri. Kenapa ustaz ingin memprotes? Kenapa kami ingin memprotes? Jawapannya sama!

Manusia dijadikan dengan pelbagai bentuk, pelbagai budaya, pelbagai bangsa, pelbagai agama untuk saling kenal mengenali bukan membenci! Semuanya sama di sisi Tuhan. Jadi, kenapa diskriminasi kami? kenapa kita tidak boleh bersatu bergandingan dan melaungkan satu suara? Kerana kita punya satu matlamat dan satu perjuangan pada hari itu!

Pas mahu memprotes cara sendiri? Nescaya tidak akan membawa apa-apa perubahan! Kirim salam sudah! Buang sifat ego dan prejudis jauh-jauh. Pas bukan parti ustaz seorang! Harap maklum! PRU-12, Pas tidak akan menang tanpa bantuan dari parti-parti lain. Parti-parti ini juga tdak akan menang tanpa undian rakyat yang kebanyakkan adalah anak-anak muda! Rakyat berkuasa mutlak. Protes ini adalah untuk rakyat Malaysia. Kenapa perlu mementingkan parti dari rakyat? Apa parti bagi ustaz? Siapa rakyat bagi ustaz?

Sudut editorealiti

Baru-baru ni gua berkunjung ke pasar payang. Lu olang tau apa yang buat gua terkejut? Awek-awek ketat takde nak lepak sini. Haha. Berlambak peniaga-peniaga di pasar ini yang menjual telur penyu. Sebab itu gua amat sedih bila tengok penyu-penyu ini sudah tidak bebas lagi dan terancam sekarang. Mana tak rimas, bila nak bertelur, ada-ada je orang yang duk intai-intai. Dia pun malu jugak. Pastu siap orang curi lagi telur dia. Sapa tak sedih bos? Kalau orang lain culik anak lu, apa perasaan lu? Rasalah macam mana. Baru lu tau! Sial! lepas tu pulak aku ada terbaca kat sebuah akhbar ni, aku lupa nama. Akhbar tersebut dengan bangganya mempromosi penjualan telur penyu di Terengganu. Hebat kan? wah! Lu memang hebat encik wartawan. Berita yg di tulis itu seolah-olah tidak memahami sensitiviti mengenai hak penyu untuk bertelur dan menetas. Berita itu sebenarnya mempromosi Pasar Payang di Terengganu sebagai lokasi untuk membeli telur penyu yang kini sudah hitam masa depan generasinya. Berbanggalah kamu wahai encik wartawan dan manusia sekalian. Berbanggalah dengan hasil kerja kamu itu yang membolehkan anda diberi bonus dengan cerita menarik itu! Lu dengan bonus lu boleh pergi mampus!

Kalau tak silap, kerajaan pun sudah celik bab ni. Tak tahulah celik berpropaganda. Kalau tak celik, kerajaan tak akan masukkan teks pasal penyu dalam khutbah jumaat! Yup, hari tu, seluruh imam masjid kat terengganu berkhutbah pasal kepupusan penyu. Gua pun terkejut, dan gua rasa kes kepupusan ni dah terlalu kronik kritikal. Kalau tak, takkan sampai macam tu sekali? Kan? Gua harap kerajaan akan lebih celik dan tidak akan membutakan mata dan memekakkan telinga lagi.

Sepanjang gua hidup, gua tak pernah lagi makan telur penyu, apatah lagi makan cengkerangnya J keluarga gua pun tak pernah beli telur binatang ni. Tak tahu lah kot-kot masa zaman budak-budak hari tu gua ada makan. Tapi tak rasanya sebab gua memilih sikit bab makan ni. Memilih untuk berselera. Hentikanlah makan penyu dan telur dia. Bukan mati pun kalau tak makan! Kalau seekor gajah rosakkan tanaman, semua pakat pergi bunuh mamalia besar tu. Tapi telur penyu yang belum lagi sempat melihat dunia tu lu dah telan, ada ke orang pergi bunuh lu?

Sebab ini lah gua terpanggil untuk menulis pasal penyu. Dan juga, yeah! Gua memang sukakan penyu. Gua sukakan haiwan. Ini mungkin juga sebagai suatu inisiatif kecil dari aku untuk menghalang kepupusan penyu. Aku juga ada menjalankan sedikit



survey untuk mencari fakta dan membuatkan penulisan aku lebih konkrit. Hasilnya, lu olang baca jelah. Nak gua citer jugak ke penyu tu macam mana rupanya? Gua cerita jelah ek sebab aku rasa si kueng tu tak pernah tengok penyu. Haha.

Penyu ni adalah sejenis haiwan yang unik! Sejenis haiwan yang mempunyai cangkerang keras di bahagian belakang dengan kaki pendayung di hadapan. Ini menjadikan penyu sebagai haiwan yang tangkas berenang di dalam air tetapi kekok untuk bergerak di daratan. Ini berbeza dengan kura-kura yang mempunyai kaki yang serupa bagi keempat-empat kakinya. **Daripada lebih 30 spesies, kini tinggal hanya 7 spesis di seluruh dunia** dan empat daripadanya boleh ditemui di kawasan pesisir pantai Malaysia. Empat spesis tu, belimbing (bukan buah tu), agar (bukan juga agar-agar), karah, dan lipas. (gua sedikit takut dengan lipas).

Sudut editorealiti

Mengikut kajian yang telah dijalankan, didapati penyu telah wujud semenjak akhir zaman Jurassic (145 - 208 juta tahun), iaitu sezaman dengan dinosour. Penyu Archelon yang bersaiz 6 meter (20 kaki) panjang ataupun penyu Cimochelys, berenang di laut silam seperti penyu masa kini. Walaupun penyu boleh menyelam dan berada dalam air untuk tempoh yang lama, tetapi ia mestilah timbul ke permukaan air untuk bernafas. Penyu menggunakan paru-paru untuk bernafas.

Kesemua spesies penyu diancam bahaya kepupusan disebabkan mengalami banyak ancaman semulajadi dan ancaman manusia sepanjang hayat mereka. Rantau Abang kat Terengganu ni merupakan salah satu daripada 4 tempat penyu belimbing mendarat untuk bertelur. Lu pernah pergi rantau abang? Fuh..tempat dia bagi gua macam syurga dunia. Banyak lagi keindahan alam yang belum terusik. Dah lari cerita ni, next isu gua cerita pasal ni. Haha. Ok?



Nak citer banyak-banyak, nanti takut lari terus dari tajukkan. Payah pulak nak kejar nanti. Takut tak ingat pulak apa yang nak diceritakan nanti. Nak ingatkan balik mesti susah gila kronik. Otak gua takdelah cergas mana pun. Takde lah pick up mana pun. Tapi boleh la kalau nak suruh gua baca sifir 12 ;) hahahahaha.



Sudut Temuramah

4) Komen anda semua mengenai gerakan D.I.Y di Malaysia, secara jujur, adakah ia mmberi kesan terhadap masyarakat kita? Adakah ia benar-benar mencapai maksud perjuangan yang selama ini dipegang kuat oleh komuniti DIY HC/PUNK itu sendiri?

bagus...kami suka ngan gerakan d.i.y..gerakan d.i.y ni dpt membantu sesama sendiri..mencapai maksud? mungkin spai kalau gerakan ni berpengag teguh dgn maksud dan tujuan asal d.i.y ni...

5) Owh, sila perkenalkan diri kalian semua. Lupa plak. perkenalkan diri anda, status diri, aktiviti hc/punk yang lain, dan apa-apa sahaja mengenai diri anda. Kalau tak malu, letaklah nombor telefon skali..haha

kami dibarisi oleh TEMPEAR sbagai bass dan vox bekerja sebagai Pengutip Hutang dan pernah menjadi ahli band CHRONICAL SYNDROME..ANGAH sbagai vox bekerja sebagai Jurutera Petroleum dan pernah menjadi ahli band CHRONICAL SYNDROME, NOPIE sbgai ketuk drum bekerja sebagai Kerani Mara dan pernah menjadi ahli band DUBUK DURJANA, FIFY sbagai Gitar bkerja sebagai Kerani Data dan pernah menjadi ahli band HATI MERONTA, AGIP sbagai gitar dan masih belajar di slah sebuah IPTS di rembau dan pernah menjadi ahli band CHRONICAL SYNDROME...

6) Cuba ceritakan sedikit sebanyak pasal band ni. Apa motif tertubuhnya band ini dan apa yang anda semua ingin capai melalui band ini? Cerita terbaru dari band ini?

Sebenar nya band The Renagedes ni Adalah Side Project CHRONICAL SYNDROME(1998-2002 R.I.P) dan DUBUK DURJANA(2001-2003 R.I.P)...Band ni wujud ketika bandar Seremban dilanda bencana pepecahan...Asal nya Tempear dan Angah dari CHRONICAL SYNDROME yang meilhamkan untuk membuat project band yang memainkan irama HC/PUNX lama-lama tahun 70'an berinpirasikan CRASS,MISFITS,DEAD KENENDYS,BLACK-FLAG,S.O.D,ANTI-FLAG,T.S.O.L,ONE WAY SYSTEM,THE CLASH,GG ALLIN,INGGY POP,DEFIANCE,DISCLOSE,DISCHARGE, ZOUNDS,DOOM,BAD RELIGION,THE EPILEPTICS (AKA FLUX OF PINK INDIANS),THE MOB,POISON GIRLS,THE SNIPERS,THE DEFORMED, THE ASTRONAUTS,D.R.I,AUS ROTTEN,THE APOSTLES,CONFLICT,GAUZE,POISON IVY,CLUSTER BOMB UNIT,OI POLLOI,RAMONES,DANZIG,BALZIG,SHAM69 dan seangkatan dgn nya.....Dan Motif Band nak menyampaikn suara kami ttg apa ketidakpuashatian dan meriahkan scene hc/punx di malaysia ni..dan kami menyampaikan dgn lirik yang byk tentang Political,Menjatuhkan Kerajaan Sialan dan Ke tidak puas hati tentang kehidupan keadaan sekeliling..Dan Dgn lirik ni kami Yakin apa yang kami sampaikn dapat di dgr oleh suma manusia ....Selepas itu line-up DUBUK DURJANA Butet dan Opie telah bersetuju untuk project band ni..Dan line up pada masa itu adalah VOX-TEMPEAR , VOX2-ANGAH , VOX3-NADIA , 1GITAR-BUTET , 2GITAR-AGIP , BASS-GG , DRUM-OPIE Dan FIFY GEMUK Sebagai Pemain Undangan...Band ni wujud pada tahun 2002 masihi...dan line up asal band ni adalah Tempear Biafra Tampal2 , Angah Crusty Jahat , Butet Disreet(R.I.P) , Gg Koi Hati Meronta , Opie Blink Manson , Agib Hollowen Rockers , Fify Gemuk Hati Meronta dan Nadia Majid(R.I.P)...Band ini pun telah sempat merakam sebuah demo berjudul ''PENGKIANAT DUNIA''....Selepas itu band ni senyap dgn line up sibuk dgn kehidupan sendiri.. Dan Kini 2008 kami telah kembali dengan line baru adalah VOX-ANGAH , VOX2 BASS-TEMPEAR , 1GITAR-AGIP , 2GITAR-FIFY Dan DRUM-NOPIE....Cerita Terbaru kami adalah kami akn buat spilt ngan DUM DUM TAK dan dalam proses menyiapkan lagu2 baru yang panas2...heee

7) Apa pandangan anda semua mengenai seks sebelum kahwin? Bagaimana pula dengan "promiscuous sex" iaitu seks bertukar-tukar pasangan..euww! macam best je..haha. secara jujurlah dari anda semua...

seks...porno ni..hee..bagi kami seks sbelum kawin ni tak elok dan haram kerana bleh menimbul kan masalah seperti pembuangan bayi,bunuh diri dan Adis...yang paling kami benci dan sedih pasal pembuangan bayi..kesian bayi tu tak bersalah dan knapa di buang..pandai buat pandai jaga..aduoihhhh...

Sudut Temuramah-THE RENEGADES



1) Salam sejahtera ke atas kamu semua dan salam perkenlan dari aku untuk semua. Bagaimana kondisi anda semua di sana? Owh, bagaimana kehangatan scene hc/punk di sana?
Salam sejahtera utk semua manusia di dunia ini.. dan salam perkenalan dari kami utk kamu..kami THE RENEGADES dari seremban band ni ditubuh kan pada 2002 dgn di barisi oleh Tempear Biafra,Angah Allin,Agip,Fify dan Nopie...kami disni sihat belaka dan sibuk dgn tugas harian masing2..kehangatan hc/punx disni sudah tiada skrang dan hanya tinggal kenangan..dulu tahun 1998-2003 mmg meriah dgn suasana riang ria punx di sni..tapi di seremban byak band dah berpecah itu sbb scene di seremban kurang menyerlah..dulu byk band2 di seremban seperti CHRONICAL SYDROME,DUBUK DURJANA,HATI MERONTA, MENTAL PHOBIA,NECROHELL BUGS..dan byk lagi band2 mental dan hardcore disni..tapi band hc/punx yang tinggal adalah THE RENEGADES DAN PSYHOTIC SUFFERRANE...lain band kat seremban skang byk mengikut trend dgn musik indie...kami pun dulu senyap 4 thn dgn line up berkerja jauh2..tapi selepas 4 tahu kami kembali...

2) Boleh anda semua ceritakan sedikit apa yang best kat negeri sembilan tu? Berapa kali sangat aku pergi sana. Boleh kira dengan jari. Ceritakan semua perkara yang best2 kat negeri sembilan tu..
Di sini byk gak tempat2 menarik seperti ULU BENDUL,JERAMTOI,SERI MENANTI,REMBAU,TAMPIN,JEMPOL,JELEBU,SERTING,JOHOL,KUALA PILAH,SENAWANG,GEMAS,BAHAU dan yang paling glamor dan hot Adalah PORT DICKSON..suma org tahu pantai yang menarik dan penuh dgn manusia pada ari cuti..

3) Punk adalah ketidakpuashatian terhadap sesuatu perkara. Anda semua sudah lama di dalam scene hc/punk, apa yang anda tidak puas hati terhadap punkers di Malaysia? Apa-apa saja. Secara jujurlah.
punx is dead..CRASS yang pernah berkata punx dah mati..suma manusia akan berkata bila rambut mohowk tu punx..bagi kami punx bukan fesyen..punx ada lah pemikiran dan ketidakpuasatian manusia ttg ketidak adilan,kebebasan,kehidupan dan perjuangan..secara jujur revolusi punx kat malaysia adalah fesyen semata2...bagi kami pakai kain pelekat pun punx juga...punx adalah kebebasan utk memilih haluan dan pemikiran kamu sendiri..nak jadi punx kena ada boot,mohowk dan jaket kulit itu bukan kebebasan namanya yang terikat dgn fesyen dan kamu memaksa diri kamu utk menjadi punx dan kena ada boot,mohowk,jaket kulit dan suma ni..suck... punx di malaysia ni banyak racist..bergaul dgn geng mereka sja..mcm punx nazi...ada ke punx nazi di sebut dalam BIBLE 69..Skinhead Nazi adalah..kami tgk skrang nazi bersepah kat malaysia ni..apa yang mereka perjuangkn pun kami tak tahu..hanya laungkn MALAY POWER..kalau betul malay power pakai ye tengkolong dan baju melayu bkn ye pakai boot dan mohowk...dan kami tgk idola bdk2 nazi ni hetler..kalau malay power jadi lah HANG TUAH ke baru lah melayu tidak hilang di dunia...haaaa...entah lah...Nazi Punx Fucckkk off...



Sudut editorealiti

Akibat kerakusan manusia yang tidak pernah mahu mengambil tahu kepentingan memelihara haiwan yang diancam kepupusan, penyu yang selama ini bebas menyusuri perairan diancam kepupusan kerana lebih ghairah dilihat sebagai hidangan eksotik. Apa yang aku dapat lagi ialah, dugong, paus, ikan lumba-lumba, yu, paus dan kima turut berdepan ancaman sama. Menurut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebelum ini turut mengkategorikan 166 spesies haiwan darat di Malaysia sebagai terancam, merangkumi 37 spesies mamalia dan 129 spesies burung.

"Menurut statistik Jabatan Perikanan Malaysia, jumlah pendaratan penyu belimbing di Pantai Rantau Abang semakin menurun dari tahun ke tahun di mana pada tahun 2003, sebanyak 14 pendaratan dilakukan manakala pada 2004 (5), 2005 (1), 2006 (5) dan tiada pendaratan pada 2007. Namun sehingga Jun 2008, terdapat dua pendaratan dilakukan seekor penyu belimbing di pantai tersebut. Manakala bagi penyu agar pula, jumlah pendaratan pada 2003 adalah 1,479, 2004 (2,118), 2005 (1,037), 2006 (2,371) dan 2007 (2,047). Jumlah pendaratan penyu karah juga semakin berkurangan iaitu 2003 (6), 2004 (9), 2005 (8), 2006 (4) dan 2007 (18) manakala tiada langsung pendaratan penyu lipas dari tahun 2003 hingga 2007"-jabatan perikanan



Baru-baru ini gua ada membaca berita pasal penangkapan penyu secara besar-besaran di akhbar oleh individu-individu yang rakus. Penyu jenis `Green' dan `Hawksbill' itu dibuang isi perutnya serta diawet menggunakan formalin' sebelum dibawa pulang ke Hainan untuk dipasarkan sebagai bahan makanan laut eksotik dan perubatan tradisional. Lu tengok betapa kejamnya manusia! Manusia makin kejam. Makin rakus. Bukan saje rakus dalam mencari keuntungan, malah rakus dalam bab seks! ;) lu jangan suka! Ini benar-benar, bukan cobaan. Tiap-tiap hari ada kes rogol. Hurm....

Sekarang kalau kita lihat dah banyak usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kembali polulasi penyu ni. Macam kat kerteh tu ada persatuan khazanah rakyat ma'daerah (MEKAR), ada juga yang meningkatkan populasi spesies haiwan itu dengan menggunakan kaedah bioteknologi yang turut melibatkan proses mengklonkan. Pengklonan ini membabitkan haiwan tu terutama penyu belimbing yang hampir tidak dapat ditemui lagi hari ini. Kadar kematian penyu yang tinggi hanya boleh diimbangi dengan kadar penetasan yang tinggi. Dan inisiatif-inisiatif seperti ini gua harapkan agar ianya konsisten. Tidak hanya sekadar melepaskan batuk ditangga.

Lu pernah tengok penyu menangis? Haha..dia tak menangis sebenarnya. Itu adalah cecair garam yang terhasil ketika bertelur. Ramai yang ingat penyu menangis. Dulu gua pun mati-mati ingat penyu tu menangis. Tapi bila dah menaip dan buat kajian pasal penyu ni, baru gua faham.

Pastu penyu-penyu yang mati dalam pukat sebenarnya bukan mati sebab rimas ke apa ke, tapi sebab dia tak dapat nak naik ke permukaan laut untuk bernafas. Penyu ni haiwan reptilian yang memerlukan udara nak bernafas. Bila dah tak dapat naik, tentulah penyu tu akan lemas dan terus mati. Ada jugak yang mati akibat berlanggar dengan bot nelayan. Yang mati kena langgar dipanggil mati katak. Penyu tu merempit agaknya. Haha. Biasa-biasanya terlekat kat pukat pari, pukat tunda atau pukat harimau dan pukat ni dah lama diharamkan. Ianya hanya dihalalkan oleh manusia yang bersifat egois, rakus, tamak, jimak, taik, saitan, dan segala macam keburukan lagi.

Kalau lu nak tahu, anak-anak penyu yang baru menetas ni bergerak berpandukan cahaya bulan dan bintang. Jadi bila wujud cahaya buatan manusia di tepi pantai, dia akan keliru laaa dan terus hilang arah. Tumpahan minyak dan pembuangan sisa toksik

akan meracuni dan membunuh hidupan marin termasuk penyu dan hasil laut. Manusia yang memakan hasil laut ini akan turut menanggung risiko keracunan.

Sudut editorealiti



HAIWAN EKSOTIK: Penyu diburu nelayan asing sebagai makanan laut popular dan bagi tujuan perubatan.

Pantai yang kotor juga membahayakan ibu penyu yang naik bertelur, anak tetasan yang sedang menuju ke laut, dan merosakkan telur penyu yang dieram. Gua ingat lepas ni gua nak bagi cadangan pembersihan pantai untuk aktiviti HFC seterusnya. Cari masa yang agak free, dan semua komrad free, terus je ke pantai kebiasaan penyu bertelur. Penyu-penyu jugak banyak ditangkap di perairan untuk dijadikan makanan dan bahan untuk membuat cenderamata. Pembinaan tepi pantai yang tidak terancang, dan kerja-kerja menambak pantai juga menghalang ibu penyu dari naik bertelur. (kena buat tangga ni-ed) Sekiranya terdesak, ibu penyu akan bertelur di dalam laut, dan kesemua telur tersebut akan binasa. Gua rasa kalau dia terdesak lagi, dia akan beranak agaknya! Haha

Lu olang boleh membantu dengan

- Tidak memakan telur penyu
- Tidak menghampiri dan mengganggu penyu yang sedang bertelur
- Menghentikan penggunaan alat menangkap ikan yang diharamkan
- Menjaga kebersihan pantai dan membuang sampah ditempat yang disediakan
- Tidak membeli cenderahati yang dibuat dari bahagian penyu
- Menyebarkan mesej pemuliharaan penyu kepada rakan-rakan dan ahli keluarga
- Menyokong usaha pemuliharaan penyu yang dijalankan oleh mana-mana pihak.

- Sekiranya anda terjumpa bangkai penyu, samada di laut atau terdampar di darat, sila maklumkan pihak Jabatan Perikanan Malaysia (09-8458169) atau WWF-Malaysia (09-8262242).

Gua rasa isu ni gua banyak memberi informasi tentang penyu dan gua ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada river foo dan juga kawan-kawan yang banyak membantu. Lagian, gua nak riliskan isu ni dalam masa terdekat. Sebelum peace gig nanti. Harap-harap sempat siap. Maaf kalau isu ini gua tak dapat memenuhi nafsu membaca kalian kawan-kawan! Gua rasa zine ni dan macam makalah-makalah mainstream dah. Banyak isu-isu tipikal, tapi BERGUNA. Isu depan gua akan cerita lebih sket pasal hc/punk. Gua tak janji. Tapi gua cuba la. Akhir kata, sesiapa yang makan telur penyu, aniaya penyu, gua sebat lu dengan rotan! Sayangi haiwan dan aktif radikal terus!



Seekor penyu agar yang dijumpai mati lemas akibat tersangkut pada pukat pari.

Sudut Artikel



Apa lagi yang nak kerajaan terengganu tunggu untuk menukar akta sedia ada bagi membendung dan menghalangsebarang bentuk penjualan, pegambilan, memakan, menyimpan, menjual dan apa saja yang berkaitan dengan penyu, telur, cengkerang dan juga daging haiwan pra-sejarah itu. sudah terbukti secara klinikal dan juga terdapat pelbagai jurnal perubatan dan juga penyelidikan yang mengatakan memakan telur atau daging haiwan itu mampu memudaratkan. Itu adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Dana Hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWF-MALAYSIA)

Melalui pencarian yang dijalankan, didapati sesiapa yang memakan daging termasuk telur penyu boleh terkena barah, kerosakan buah pinggang, cirit beret, muntah-muntah, penyahhidratan yang melampau, yang dikenalpasti boleh membawa maut!

Ini kerana menurut beliau yang memetik jurnal kesihatan Ecohealth Journal Consortium pada tahun 2006 yng bertajuk hazards associated with the consumption of sea turtle meat and eggs; a review for health care workers and the general public, hasil penyelidikan A. Alonso Aquirre, Susan C, Gardner, Jesse C. Marsh, Stephen G. Delgado, Colin J. Limpus dan Wallace J. Nicholis mengatakan, daging dan telur penyu mengandungi logm berat, kndungan toksik yang tinggi serta mempunyai parasit, biotoksin, termasuk bacteria berbahaya seperti salmonella, mycobacterrium, vibrio, dan Escherichia coli (e.coli)

Jadi amalan memakan daging dan telur penyu ini akan memudaratkan manusia dan mampu menyebabkan kematian. Seseorang yang terdedah dengan kandungan logam berat yang tinggi serta sebatian organoklorin melebihi standard keselamatan makanan antarabangsa yang dibenarkan.

Ini juga akan menyebabkan badan bakal mendapat keracunan toksik yang boleh memberi kesan kepada kegagalan fungsi buah pinggang, kanser hati dn turut menyebabkan pembentukan janin dan kanak-kanak yang abnormal serta cacat.

Mungkin ada yang tidak percaya dan mengatakan tulisan ini tanpa bukti, namun inilah hakikatnya. Semuanya telah disahkan melalui jurnal perubatan yang mempunyai bukti yang kukuh serta data dan penyelidikan berkualiti.

Bukan apa, kalau diikutkan dari segi logic, penyu menjadikan terumbu karang sebagai makanan dan memang diketahui, haiwan marin yang memakan terumbu karang mempunyai toksik serta kandungan raksa yang tinggi. Ini termasuk semua sepsis ikan yang berparuh, layaran, ikan yu yang memakan ikan kecil yang menjadikan terumbu karang sebagai makanan.



Sudut Temuramah

12) Aku ni kacak ke? Haha..komen sket pasal zine aku sebelum ni. Apa yang lebih dan apa yang kurang? Eh satu lagi, mu sayang baglo dop? Jawab-jawab, jangan tak jawab..haha
Hehehe..berapa RM aku dapat nanti? Atau belanja malt liquor? OK la, jujrnya, mu kacak la. Pasal zine mu, aku rasa banyak yang perlu diperkemaskan. Tak perlu dibaiki. Banyakkan info2 tentang hc/punk, politik dan sumber2 perkongsian yang wajar serta bernas. Hemm...Buat research dulu ke tentang isu2 yang nak ditimurkan biar ia bermaklumat tidak hanya jadi diari seorang penulis. Cukup la rasanya. Satu lagi biar ia user friendly sikit yea.. Nakal,ada juga soalan gini? Sayang la..(No Komen)



13) Yang mana mu pilih antara 'use the system to fight back the system' atau kehidupan alternative? Kenapa?
Aku lebih pilih kehidupan alternative lagi dengan konteks hari ini. Kenapa? Kerana untuk 'use the system to fight back' bukan jalan yang mudah.. Ini dalam konteks gerakan massa. Tapi aku setuju dengan ke22 nya. Sekarang ini, kita telah melaksanakan tema 'use the system to fight' itu sendiri dengan banyak wujudnya aktiviti yang melakukan dan memanipulasi 'the availabity' dari system korup ini kepada satu anti tesis yang melawan system itu balik. Contohnya internet. Kegunaannya untuk alat penyebaran propaganda, etc. Dalam pemilihan aku dengan kehidupan alternative itu, aku berpendapat yang kita perlu memulakannya dari bawah. Mulakan dengan diri sendiri,kolektif, komuniti setempat dan tak mustahil skala besar. Dan ke22 perkara di atas interconnected.

14) Jeritan terakhir? Mu nak terima kasih kepada siapa..promote ke? Last word of freedom?
Warghhhhhh!!!!! Hemm..kata2 terakhir, Terima kasih.... Kepada aniq dan kepada diri sendiri. Kebebasan bukan untuk hc/punk sahaja, untuk pakcik makcik juga. Hehehe..Perubahan kecil2 dulu. Tak perlu fight terrorism besar2 macam slogan statis, sedangkan duri yang membawa kepada keadaan teror ada dalam diri kita lagi.Satu lagi,manusia ini asalnya lahir sebagai seorang selfish semulajadinya..dan dengan itu,beri kebebasan untuk kita kawal selfish kita ikut cara kita sendiri. Aku suka kepada kawan baru, kepada yang mahu jalinkan kemesraan dengan aku, berkomunikasi dan kritikan serta komen dan kutukan membina, boleh kontak aku di aisax86@yahoo.com. Sama juga untuk myspace. Bawa revolusi tanpa memakai topeng hero.

P/s - Berhati2 dengan mereka yang kamu dah anggap kawan..mereka inilah yang mudah khianati kita (Perkongsian berunsur personal)hehehe...

DISTORTIA

SUDUT BIODATA

Distortia was a project band based on Terengganu during 2007 by Apek(drummer), Weet(1st vox),Ijam(guitar) and Matjen(bass) but early in 2008 we decided to make this band to be more than a project band and more to death stereo sound machine... so..we invited Carin to play the 1st guitar and Adam for the 2nd guitar as Ijam was really busy after get married and then for the better vocal from hell, we invited Ayie to be the 2nd vox and Mat Jen was replaced by Jepon as Mat Jen was quite busy with another band and his studies. Now we're slowly makin' our stuff better and we hope a lot of your support..Peace!

Sudut Berita

Kutub Utara Tanpa Ais!

Kenaikan suhu di kawasan Artik, kutub utara, menyebabkan pencairan ais yang semakin cepat dan meluas. Untuk pertama kalinya dalam sejarah, wilayah kutub utara mungkin tanpa ais pada musim panas tahun ini.

"Kami memprediksi tahun ini kawasan kutub utara mungkin bebas dari ais untuk pertama kalinya," ujar David Barber, peneliti dari Universitas Manitoba, yang tengah melakukan ekspedisi dengan kapal pemecah ais Kanada, CCGS Amundsen.

Pendapat Barber didukung pengamatan langsung dan citra satelit. Data menunjukkan, sebagian besar ais di sana merupakan lapisan muda yang berusia kurang dari setahun. Lapisan tersebut terbentuk sepanjang musim dingin.

Ais muda sangat rapuh dan berisiko mencair pada musim panas lebih tinggi dari ais abadi yang terbentuk sejak bertahun-tahun. Kenaikan suhu juga berisiko mencairkan lapisan ais yang lebih tebal meskipun ada peluang bertahan pada musim panas tahun ini.

Perkiraan ini lebih cepat daripada prediksi selama ini. Pada model iklim sebelumnya, kawasan ais Artik diprediksi baru bebas ais untuk pertama kalinya pada tahun 2013-2030. Hal tersebut menunjukkan ancaman pemanasan global datang lebih cepat. "Kita kehilangan 65 persen lapisan ais di belahan utara dalam setahun," ujar Barber.

Faktor pencairan yang dirasakan tahun lalu, menurut para ilmuwan, disebabkan kombinasi arus hangat, angin kering, dan sinar matahari yang terik. Kombinasi yang merusak itu belum tentu terjadi tahun ini, namun kesannya sudah mulai terlihat.

Kawasan yang mencair sebenarnya segera tertutup kembali lapisan ais karena musim dingin yang juga ekstrem. Namun, lapisan ais yang terbentuk terlalu tipis sehingga rentan pecah dan mencair (kompas)



PERHATIAN!

Kompilasi bollok wok 4 mungkin akan dirilis-kan bulan 1 atau pun bulan 2. segala-galanya bergantung kepada lagu-lagu yang dihantarkan. Kepada band-band DIY di terengganu yang ingin turut serta di dalam kompilasi Bollok wok 4, sila kontek corerockmoon records : corerockmoon@gmail.com. Sekian.

Sudut Berita

BOIKOT MAJALAH SKATEBOARDING

MENGAPA? FAKTA BOIKOT, PILIHAN ANDALAH M I L I K A N D A ?

1. MEMPERGUNAKAN PEKERJA UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN BESAR UNTUK DIRI SENDIRI. MEREKA TIDAK MEMBAYAR PEKERJA MENGIKUT KONTRAK DAN KADANG-KADANG TIDAK MEMBAYAR LANGSUNG. KALAU ANDA TIDAK PERCAYA ANDA BOLEH TANYA SENDIRI KEPADA PEKERJA REVOLUTION SEKARANG DAN JUGA YANG TELAH BERHENTI. MEREKA JUGA MEMBAYAR TERLAMPAU SIKIT CONTOHNYA RM5 UNTUK SEKEPING GAMBAR. ADAKAH BERBALOI KERJA ANDA? ANTARA YANG DITIPU IALAH FADZLY (BEKAS EDITOR MUZIK) SEBANYAK RM1,000, VCD TRAILER INCREMENT IMPACT NARUL TIDAK DIBAYAR HAMPIR RM4,000 DAN KEBANYAKAN JURUGAMBAR BEBAS DAN PENULIS TIDAK DIBAYAR LANGSUNG HINGGA S E K A R A N G .



2. PENIPUAN JUMLAH PENGELUARAN MAJALAH. MAJALAH INI MEMBERITAHU ANDA DAN JUGA PENGIKLAN PENGELUARANNYA MAJALAH IALAH SEBANYAK 15,000 ? 20,000 UNIT SEBULAN, PADAHAL YANG SEBENARNYA IALAH HANYA 6,000 HINGGA 8,000 SEBULAN. JIKA TIDAK PERCAYA, TANYALAH TEMPAT CETAKAN MAJALAH INI TETAPI MEREKA BOLEH MENIPU UNTUK MENJAGA PELANGGAN MEREKA.

3. HADIAH 'PHOTO CONTEST?ANJURAN RUPERT RAGE TIDAK PERNAH DIMENANGI OLEH SESIAPA PUN. HADIAHNYA SELALU DIAMBIL OLEH ORANG-ORANG DI MAJALAH REVOLUTION ITU JUGA. MEREKA MEMALSUKAN PEMENANG ATAUPUN TIDAK MENGHANTAR M A J A L A H M E R E K A .

4. PA'DIN, IAN J.A., MARISS TIDAK LAGI MENYOKONG ATAU BEKERJA DI REVOLUTION, MEREKA SUDAH BERHENTI. OTAI ATAUPUN PERINTIS MAJALAH INI PUN SUDAH BERHENTI BEKERJA DI MAJALAH INI KERANA TIDAK SUKA AKAN REVOLUTION YANG MENIPU BERIBU-RIBU RINGGIT WANG MEREKA. BERITAHU SEMUA KAWAN ANDA BAHAWA MEREKA SUDAH TIDAK LAGI BEKERJA DISINI DAN PA'DIN SUDAHPUN MEMBUKA KEDAI SKATENYA DAN BARANGAN CLIMAX DI PULAU P I N A N G .

5. SKATERS YANG MUNCUL DI REVOLUTION TIDAK DIBAYAR. ADAKAH ANDA INGIN MEMBUAT STUNT MERBAHAYA UNTUK PERCUMA DAN MENANGGUNG RISIKO ANDA? APA YANG ANDA DAPAT JIKA MUNCUL DALAM REVOLUTION? ANDA HANYA MEMENUHI RUANG KOSONG MUKASURAT REVO UNTUK GLAMOUR DAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA ORANG YANG TIDAK MEMPERDULIKAN ANDA? JANGAN JADI BODOH. ANDA TIDAK ADA SPONSOR UNTUK MENGEKSPOS DIRI ANDA DAN ANDA JUGA TIDAK AKAN DAPAT SPONSOR JIKA MUNCUL DALAM MAJALAH TERSEBUT.

6. MENYALAHI UNDANG-UNDANG PENERBITAN DAN PERCETAKAN. MEMBUAT CERITA REKAAN YANG PALSU DAN BERUNSUR FITNAH ADALAH MERUPAKAN KESALAHAN UNDANG-UNDANG DAN MAJALAH INI PATUT DIBERHENTIKAN PENERBITANNYA. JANGGOAT (KETUA EDITOR BARU) BANYAK MEMBUAT CERITA REKAAN IKUT SEDAP HATINYA TANPA USUL PERIKSA DAN JUGA MELEMPARKAN FITNAH TERHADAP SKATERS YANG HANYA MENJALANKAN TUGAS MEREKA SEBAGAI SEORANG PEMAIN SKATERS SEBENAR. INI MEMBURUKKAN IMEJ SKATERS TERSEBUT. IAN J.A. (BEKAS KETUA EDITOR) TIDAK DIPECAT, DIA BERHENTI KERANA MEREKA TIDAK BOLEH MEMBAYAR GAJINYA.

Sudut Temuramah

Yup..disrespect,intolerance. Pengkhianat,backstabber dan masih lagi prejudis kaum, etnosentrik, religious pride, pemegang panji kebangsaan dan status kelas sosial adalah cabang2 kejahilan dan ketidakadilan yang utama dan masalah yang masih berakar umbi dalam jiwa masyarakat lokal. Begitu juga rasa 'bwek' aku kepada manusia pathetic yang mahu BMW, rakan-cop, memakai uniform agama dengan satu gaya hidup ala Kuala Lumpuristic. Aduhh..maaf, sedikit meluat..dan berdendam.. Ini semua wujud akibat salasilah budaya serta kejahilan manusia hasil dari kebijakan system dan prejudis agama. Pendapat aku, perkara ini perlu dihentikan. Cukup pada skala kecil dulu, dengan melihat rakan2 sekeliling, dan kolektif kita. Dan tak mustahil ianya boleh berjangkit kepada orang lain kerana bagi aku ianya juga sejenis virus. Yeal!! class war.....

9) Agak payah untuk kita ajak/ajar individu lain untuk berfikiran sama dengan kita. Apa pendadpat mu? Ada cara lain?



Yup, satu perkara yang agak mustahil.. Bagi aku cukup la untuk berkongsi tujuan yang sama. Jika semua pemikirannya sama dengan kita, keunikan semulajadi sebagai individu tiada Niq. Hehehe..

Ada caranya nak suruh orang ikut pemikiran kita, kenakan alat elektromagnetik pada kepala dan lidah mereka. Pastikan arus voltan yang tinggi dikenakan. Hehehe.. kalau tak mati dia tu, mujur.. Hemm, best juga ni.. nanti kepala dia kosong, boleh la kita ajar dia berfikiran sama dengan kita. Hemm..eh,tak leh2. Tak best juga la, ni da jadi control la, nanti keunikan cara fikir dia tak ada. Sama ngan kita aja dehh.. Ni torture ni, nak ajak dia pergi perang boleh la. Macam la aku ni Hitler, pastikan lasykar aku born to kill. Tapi alat ini juga dikenakan kepada pesakit mental yang dalam status tenat di mana2 asylum. Tak adil.. Sama macam animal testing.

Sebenarnya aku rasa, mengajak individu itu berfikiran sealiran dengan kita itu lebih tepat, tapi bukan berfikiran sama dengan kita. Caranya aku rasa, melalui pendekatan dan kaedah yang baik la. Sejenis pendidikan yang tak formal, komunikasi kritis secara generalnya.

10) Listkan band yang mu paling suka dan zine skali. Sebab mu suka?

Band yang aku paling suka? Hemm..sebenarnya, selera music aku berubah2.. Tidak rigid pada satu2 sound sahaja dan mengikut fleksibility telinga dan impuls otak aku .Untuk jangka masa ni, aku banyak mendengar LOC, Subhumans, Citizen Fish, Propagandhi, Chumbawamba dan aku menyukainya. Sebabnya, easy going dan super political.. Tidak terhad pada jerit stop war sana stop war sini,bukan juga minta freedom dari government dengan apologetik tapi music parasympathetic. Hehehe..

Zines yea? Hemm.. kebelakangan ni aku kurang membaca zines baik tempatan dan luar. Hemm tapi untuk senarai zines yang aku suka.. hemm.. DRSA, Embrace,The Coalition serta yang luar biasa la Heartattack, PE, S&L, MRR gitu la.

11) Apa impian mu pada dunia hari ini? Ada lagi ke cita-cita mu yang masih belum dicapai?

Impian pada dunia hari ni, hemm.. Selamatkan negara di benua Afrika, Asia daripada masalah kebulurr.. aku satu hari tak makan pun dah lembek.. mereka ni tak tahulah macammana. Itu impian aku, untuk lain krisis, ha, itu untuk hc/punk lain. Apa yang diorang impikan nak setel. Aku tak leh tamak2, nanti orang lain takde impian dan tak leh wak lirik lagu pula..hehehe..

Cita2 yang masih belum dicapai, banyak sangat la.. Aku rasa xpayahla aku ceritakan.. hehehe..

Sudut Temuramah

Dan dalam konteks membela nasib pekerja, komunis lebih menjurus ke arah itu kerana komunisme mengamalkan dasar dan ideologi yang dicetuskan oleh Marx. Iaitu pekerja@proletariat mengawal produksi keluaran mereka dengan sendiri. Tetapi kawalan produksi itu dipantau dan dikawal oleh sebuah negara atau sistem komunis itu sendiri. Jadi pendapat aku, wujud satu jenis kawalan terhadap mean of production dan juga para buruh hasil dari cara itu. Yup, sistem komunis memang menolak sistem kapitalis dan menentang borjuis culture. Tapi kebebasan menjadi individu dalam sistem ini dicengkam oleh keinginan tinggi berkolektivis.. Jadi kebebasan kita, proletariat masih lagi terpenjara. Mungkin dalam konteks dunia didominasi oleh kapitalis, komunisme boleh memberi kesan yang lebih baik (mungkin) terhadap pola hidup manusia ketika manusia dahagakan sebuah revolusi. Tapi untuk jangka panjang, aku tidak berfikir begitu. Dengan melihat sejarah, komunisme sememangnya menemui kegagalan dengan cerita holocaust mereka sendiri tak kira ia Mao di China, Pol Pot di Cambodia serta Stalin dan rejim Bolsyevik di Rusia. Tapi tak tahulah Niq, kalau Komunisme berjaya takluk Tanah Melayu dulu, mungkin kita boleh mencuba rasa kehidupan bawah payung Republik komunisme Malaya. Diserang Amerika, dan akhirnya jadi macam China dan Malaysia sekarang ni, puppet barat juga dehh.. Mungkin utopianism kita dapat membantu menyelesaikan sistem yang sesuai untuk manusia. Dan jangan harap sistem adil dari pemakai topeng agama yang guna agama untuk mendapat kekuasaan.



7) Kalau mu suria baja hitam/masked rider, kira mu ada power la, apa yang mu nak buat? Mu minat ke suria baja hitam? Pendapat mu tentang kartun dan kesannnya kepada kanak-kanak..
Nakal la mu ni Niq. (mu la nakal, aku ganas ;p-ed) Kalau aku masked rider dan ada power? Hemm.. tak mahu la aku, aku takut aku salah guna kuasa la. Tak nak jadi hero lah aku. Tapi aku try berfantasi sekejap..hemm, tak boleh la, tak ada raksasa macam tu kat bumi ni, hemm, aku nak yakinkan semua manusia biar bangkit melawan arus kapitalisme dan yakinkan mereka dengan sebuah utopia kedamaian yang mesti dicipta bersama. Aku ada tahu sedikit tentang kesan kartun terhadap kanak2 ni. Ada positif dan negatifnya. Pendapat aku, kartun kepada kanak2 ni perlu dijadikan satu riadah mental kepada mereka. Bukan satu ketagihan.(maaf jika berbaur moral) Bagaimana itu? Tugas ibu bapa yang prihatin (hehe,baiknya bahasa) terhadap proses perkembangan anak2. Banyak masa dihabiskan kepada kartun juga boleh menyumbang kepada simptom2 negatif kanak2 kesan psikologi mereka. Menjadi agresif,kurang tumpuan mungkin kesan yang timbul. Dan kapitalisme juga sudah menjadikan kanak2 sebagai target penting market mereka dengan komplot dengan mana industry kartun untuk penjualan produk mainan kegilaan budak2 ni. Aku salah seorang budak yang jadi mangsanya dulu. Kartun sekarang ni, aku tak tengok sangat. Tengok spongebob je aku. Sebab dia ada bawa mesej tersendiri dan nakal. Lain2 kartun tak tahu. Aku lihat sekarang ni pun masih ada golongan dewasa yang minat kartun.. Da jadi lifestyle kot..

8) Kalau aku katakan yang keamanan ialah satu impian yang sukar untuk dicapai, apa pendapat mu? Mu rasa gane? Melihat dunia pada hari ini, sudah kurang rasa hormat dan toleransi..pendapat mu?
Yup,jika itu keamanan skala besar dan global. Aku setuju Niq!! Sangat susah dehh.. nak tengok keamanan. Apa yang aku nampak, secara phoney sahaja. Sekarang ni, keamanan tu sendiri pun jadi satu cabang bisnes. Apatah lagi perang. Nak cari tempat aman dan damai, nah..bayar RM dulu baru boleh pergi. Mahu sesuatu yang aman dan damai..bagi RM dulu, kejap lagi dapat..hehe... tapi keamanan sekejap sahaja.hehe. Beware..big brother is wacthing you! Apa yang aku impikan tentang keamanan sekarang ini adalah keamanan di sekitar aku. Aku cuma mahu keamanan itu bersama aku bila aku bersama kawan2 aku. Cukup la dengan itu dahulu, untuk plan out keamanan yang besar, tentu boleh juga bila kita sama sama bekerja ke arahnya. Hehehe..

Sudut Berita



7. UNCLE ADLIE MAILORDER PENIPU. BANYAK ADUAN YANG DITERIMA OLEH KAWAN SKATERS YANG MEREKA TIDAK MENDAPAT BARANGAN YANG MEREKA PESAN DARI UNCLE ADLIE MAIL ORDER. UNCLE ADLIE ADALAH MILIK REVOLUTION, JADI MEREKALAH YANG MENIPU ANDA. INI ADALAH SATU PENIPUAN BESAR TERHADAP DIRI ANDA DEMI KEPENTINGAN ORANG LAIN. TAK PERCAYA, TANYALAH NARUL.

8. PENERBIT DAN PEMILIK ASALNYA PUN BERHENTI. ADLIE SYAMSUDIN, PENERBIT DAN PEMILIK MAJALAH REVOLUTION PUN BERHENTI DARI SYARIKAT INI KERANA TIDAK SUKA AKAN PENIPUAN YANG DIBUAT OLEH ADAM ISMAIL (PENGURUS REVOLUTION). PENERBIT PERTAMA MAJALAH INI, HALIS GLOBAL SDN. BHD. PUN TIDAK INGIN MENERUSKAN PENERBITAN MAJALAH INI LALU BERHENTI.

JADI KENAPA PENULIS YANG NAMPAK BAIK SEPERTI JANGGOAT MASIH MENULIS UNTUK REVOLUTION? UNTUK MENDAPAT LEBIH GLAMER DAN MEMPEROLEH DUIT YANG SENANG DARI PUNGUTAN ANDA TIAP-TIAP BULAN? JANGAN JADI BODOH JANGGOAT, ADA BANYAK CARA LAGI ANDA BOLEH MEMBUAT DUNIA SKATEBOARDING ANDA MENARIK DAN CERIA.

SEMUA PEKERJA ASAL REVOLUTION PUN SUDAH BERHENTI DARI BEKERJA DI REVOLUTION DAN TIDAK MENYOKONG PENERBITAN MAJALAH REVOLUTION.

JADI MENGAPA HARUS ANDA MEMBELI DAN MENYIMPAN MAJALAH REVOLUTION YANG TIDAK MEMBERI MANFAAT KEPADA ANDA DAN JUGA DUNIA SKATERS INI? FIKIRKAN LAH?BUKAKANLAH MATA DAN HATI ANDA. SUDAH SAMPAI MASA KITA BERSATU BEKERJASAMA UNTUK MEMBAWA MAJALAH INI KE MUKA PENGADILAN KITA SENDIRI. UNTUK MEMBAWA MEREKA KE MUKA PENGADILAN UNDANG-UNDANG MEMERLUKAN WANG YANG BANYAK DAN JUGA MEMBUANG MASA KITA. MENGAPA KITA HARUS MEMBUANG MASA DAN DUIT KITA UNTUK MEMBAYAR PEGUAM SEDANGKAN KITA BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN DAN MEMBELA HAK SENDIRI.

JIKA ANDA MASIH MEMBELI MAJALAH REVOLUTION, FIKIRKANLAH MENGAPA ANDA HARUS MEMBELI MAJALAH YANG TELAH MENIPU DAN MENINDAS SKATERS-SKATERS TEMPATAN DAN ANTARA-BANGSA KEGEMARAN ANDA.

MEREKA MENIPU SKATERS DAN PEMBACA, MENGAPA HARUS ANDA MEMBERI WANG ANDA KEPADA MEREKA?

INI ADALAH FAKTA MENGAPA MAJALAH INI HARUS DIBERHENTIKAN. INI BUKAN SATU ANGGARAN ATAU TUDUHAN TETAPI INI ADALAH FAKTA SEBENAR KEJADIAN DI MAJALAH REVOLUTION. KITA HARUS BERTINDAK SEKARANG SEBELUM ANDA ATAU SESIAPA YANG LAIN MENJADI MANGSA KETAMAKAN MAJALAH REVOLUTION INI.



Sudut Artikel

Kat sini ada sedikit penambahan/update tentang kolektif-kolektif yang masih utuh dan baru wujud di Malaysia. Gua baru peroleh informasi tentang mereka-mereka ini. Di sini ada 3 penambahan. Perak D.I.Y Attack. Food Not Bombs Perak dan United Against Discrimination Collective. Gua harap-harapkan komrad-komrad ini akan terus aktif dan sukses selalu!

UNITE AGAINST DISCRIMINATION COLLOCTIVE (UADC)



BUAT PERTAMA KALINYA, UNITE AGAINST DISCRIMINATION COLLECTIVE MUNCUL DI CELAH-CELAH MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM INI. KAMI TERDIRI DARIPADA MANUSIA-MANUSIA YANG AMAT BENCIKAN SISTEM DISKRIMINASI. TIDAK KIRA DALAM APA JUA BENTUK DISKRIMINASI SEKALIPUN. DENGAN DISKRIMINASILAH BUMI YANG KITA SAYANGI INI MUSNAH. PEPERANGAN, KEHANCURAN, TANGISAN, PENDERITAAN, KESEDIHAN BERMAHARAJALELA. OLEH ITU, KAMI CUBA UNTUK MENGALIHKAN PANDANGAN MANUSIA BAHAWA TIADA DISKRIMINASI UNTUK KITA SEMUA. KITA ADALAH SAMA. U.A.D. COLLECTIVE INI AMAT MEMENTINGKAN PERSAUDARAAN SESAMA MANUSIA. KAMI TIDAK MEMILIH KAUM, BANGSA, WARNA KULIT, PERBEZAAN AGAMA, KURANG UPAYA DLL. BAGI KAMI, KITA SEMUA ADALAH SAMA. KITA ADALAH MANUSIA YANG MENGHIRUP UDARA YANG SAMA, DI BUMI YANG SAMA. TIADA ALASAN BAGI KAMI DAN MANUSIA LAIN UNTUK MENDISKRIMINASI. SEMUA BERHAK UNTUK MENDAPATKAN KEAMANAN, KEBEBASAN, DAN HAK-HAK KITA SEBAGAI MANUSIA. KAMI BERSATU MEMBUAT KERJA-KERJA AMAL. DALAM KOLEKTIF KAMI, TIADA SEBARANG ISTILAH KETUA, PEKERJA, ANAK BUAH DAN PELBAGAI BENTUK KASTA YANG MEMBEZAKAN SESAMA MANUSIA. KAMI SEMUA SUKARELA, TIADA PAKSAAN, TIADA DISKRIMINASI. KAMI MENGALU-ALUKAN SESIAPA SAHAJA TIDAK KIRA LATAR BELAKANG MEREKA ASALKAN IKHLAS. SESIAPA SAHAJA BOLEH MENYERTAI KAMI.AS LONG AS YOU SUPPORT US, YOURE SUPPORTING THE COLLECTIVE.. HUBUNGI KAMI DI societydead@yahoo.com



Sudut Temuramah

3) Aku baru dapat tahu yang kat kelantan sudah ada satu lagi kolektif selain nosc. Unite Against Discrimination Collective (UADC). Mu salah sorang jugak ke? Apa perkembangan terbaru kolektif ni? Boleh ceritakan sedikit pasal kolektif ni?

Ya,UADC. Ianya satu kolektif baru yang berbasis di Machang. Aku salah sorang kot.. Hehe.. Tak tahu la dan tak kira la, bagi aku idea berkolektif ini adalah untuk semua orang. Mahu turut serta menjalankan aktiviti solider dalam kolektif ataupun mahu menjalani hidup secara kolektif, aku rasa aku layak dan bebas untuk menjadi salah seorang dalam mana2 kolektif yang beraliran sehat aku namakan. Tapi tak tahu la ada kolektif yang meletakkan syarat pula. Hehehe.. Perkembangan terbaru,hemm.. Terbaru rasanya, UADC ada menjalankan aktiviti memberi pakaian kepada anak-anak yatim di rumah anak yatim (akutakingatnama). Dan setakat aku tahu,itu sahaja aktiviti terbaru UADC. Untuk maklumat lanjut, buka myspace UADC.



4) Apa pendapat mu tentang eksperimen terhadap haiwan? Katakana kalau manusia hentikan 'animal testing' ni, apa lagi yang boleh dijadikan specimen? Atau ada cara lain?

Animal testing adalah jenis kajian terhadap haiwan yang berunsur saintifik aku rasa. Tapi kebelakangan ini ada juga aku dengar ada keganasan terhadap haiwan juga dehh..(macam la aku tak pernah pukul kucing,katak dan cicak masa kecik2 dulu). Dan animal testing bagi aku adalah sejenis kekejaman yang dilakukan oleh manusia untuk kepentingan industri dan juga memenuhi kehendak sesebuah kajian sains seraya memenuhi tuntutan gaya hidup manusia hari ini . Bagi aku, aku tak setuju jika sejenis testing itu ada memberi kesan negatif terhadap objek kajian itu, yakni haiwan. Tapi yela,nama lagi eksperimen, hasilnya kita masih kabur tentangnya. Aku rasa method ini banyak memberi kesan yang negatif dari positif. Aku rasa selain dari haiwan,manusia itu sendiri perlu ganti tempat haiwan sebagai specimen.. Aku rasa da tak ada cara lainnya.. Untuk maklumat lanjut cek ALF,etc.

5) Apa perbezaan antara peraturan, kawalan dan panduan? Apakah manusia perlu kepada peraturan?

Hehe..ini soalan perah otak juga dehh... Perbezaannya? Ok, ini adalah pendapat aku sendiri. Ketepatan maksud sebenar adalah diragukan oleh aku sendiri. Izinkan aku menjawabnya dalam bentuk point2 ok?

1) Peraturan - Adalah satu set mengarahkan tingkahlaku serta pola pemikiran kepada satu regulasi yang ditetapkan.
2) Kawalan - Merupakan satu alat (dalam konteks kognitif) yang membantu proses pemikiran dari melakukan aktiviti berfikir di luar batas2 yang disetkan.
3) Panduan - Satu set rujukan terhadap aktiviti kognitif yang dilakukan yakni pengalaman lepas serta proses pembelajaran.

Ok,point2 di atas adalah analogi bagi ke-3 perbezaan maksud perkataan. Aku ringkaskan dalam proses berfikir manusia. Dalam konteks kehidupan hari ini,semuanya diperlukan dan tidak diperlukan. Bagaimana itu? Ya,selagi ianya ciptaan diri sendiri untuk kebaikan diri sendiri dan bersama. Dan tidak, selagi ke-3 nya adalah satu ketetapan dari sebuah sistem,ideologi,agama serta servis yang tidak adil, mencekik dan tohok saja. You know what im talking about dehh..

6) Adakah mu rasa sistem capitalist patut digantikan dengan sistem komunis? Setahu aku sistem komunis menolak kepada sistem kapitalis dan membela nasibpekerja...

Tidak. Aku tidak percaya kepada ke-22 sistem. Bagi aku sistem kapitalis dan komunis kedua-duanya gagal untuk kesejagatan manusia. Jika dilihat sekarang,tiada bezanya. Sistem Kapitalis lebih ke arah memaksimakan keuntungan, manakala sistem komunis lebih ke arah mengekalkan kekuasaan. Masing2 ada menimbulkan kesan negatif kepada kebebasan manusia. Komunis juga menggunakan kaedah jajah dan takluk untuk penyebaran komunisme.

Sudut Temuramah-MUDIN

Gua kenal din ni dalam setahun atau dua tahun macam tulah. Dia ni banyak inspirasi gua dalam banyak hal. jadi gua pun ambil kesempatan untuk menemuramah dia. Dalam temuramah ni takde rasuah atau apa-apa, semuanya dijawab dengan ikhlas. Kalau lu taknak dengki dengan gua, lu jangan baca la. Skip terus. Ahaha. Layan suda!

1) Salam sejahtera ke atas mu dan salam solidaritas dari komuniti sini. Guane gamok? Hidup mu ok ke? Awek sihat? ;) owh..awek cina kelas mu tu sihat ke?

Hey Aniq.Kabar mu di sana?Dan juga budak2 HFC.Harap2 semuanya dalam perigi. Hehe.. Hope you guys well.. Aduh,aku lupa la Niq nak ejas no tel nya. Nanti yea aku bagi. Hari jadi bila? Kira sebagai hadiah birthday ok? (02/09-ed) Aku kat UMT semasa jawab i/v ni. Musim exam dehh. Jadi masa aku banyak dibazirkan kepada proses pening kepala mengingat, menghafal perkara berkaitan exam le..Tapi tak dapat jawab dengan baik pun time exam. Biasa la,otak beriklim khatulistiwa. Hidup kira ok dan kadang2 tak ok. Kalau dalam konteks hidup di sekitar UMT ni,ianya semacam satu percutian di Islamabad bagi aku.Banyak yang tak ok la,banyak syaratnya yang aku tak berahi.Adalah sedikit faktor2 yang mempengaruhi. Walaupun begitu,aku sihat. Bebas dari ancaman mikroorganisma pembawa virus berbahaya. Tapi para religus sekitar aku masih menjalankan arahan tuhan mereka sendiri untuk menghukum setiap tindak tanduk aku. Satu tindakan halal bagi mereka..konon jadi hak nak menjalankan tuntutan agama..tahi.. Hehehe.. Tapi aku masih kuat menangkis..

2) **Ceritakan sebanyak mungkin tentang diri mu. Sejak bila mu kenal hc/punk dan apa yang menyebabkan mu terjebak dengan komuniti ini? Apa yang mendorong mu sebenarnya?** Cerita pasal diri aku. Aduhh..ni da macam bagi ruangan untuk aku buat biografi penuh pasal diri aku ni. Ok,aku Aisamuddin. Masih berumur 21 tahun. Sagittarius dan berasal dari tempat paling hina bagi masyarakat Malaysia serta hc/punk etnosentrik, yakni Machang, Kelantan. Non sXe, bukan nihilist juga, tapi suka pada disiplin ciptaan aku sendiri. Manusia biasa yang suka berfantasi,imsomniac dan (akibat) ketagih nescafe o beng. Tidak suka pada pola percakapan dan pertuturan yang berunsur grandeur dan narsisis.. Aku masih belajar di salah sebuah institusi pengajian di Terengganu. Dan matlamat jangka pendek aku sekarang ini adalah mahu menamatkan pengajian di sini. Seterusnya jangka panjang adalah memusnahkan segala jenis kekuasaan yang menjerut kehidupan masyarakat linkungan hidup aku dan menjadi lanun.. Dan kalau boleh ingin tukar kembali definisi kenapa manusia itu beragama.. Aku start kenal hc/punk yang sebenarnya' semasa lewat form 3.Sebelum tu,aku banyak bergelut dalam proses penyesuaian musik yang boleh masuk dengan impuls otak aku. Dan seperti ramai2 hc/punk yang true sampai mati hari ini,aku mulai tertarik dengan hc/punk ini melalui medium musik. Dan seterusnya dengan D.I.Y dan juga aliran aliran pemikiran yang kritis serta politikal. Itu salah satu sebabnya. Dan yang satu lagi, sebenarnya adalah proses penyesuaian kendiri dimana pada waktu umur aku belasan tahun ini, perkara seperti ini boleh membuatkan dan membantu aku untuk turut sama menyertai warna warni early adolescence stage yang melanda signifikan grup sekitar hidup aku. Tapi sepanjang pengalaman dan proses pembelajaran mengenai isu hc/punk ini, aku tidak rasa ia hanyalah satu proses dimana menjadi satu topik atau point penting oleh psikologis mahu melengkapkan teori perkembangan remaja, tetapi lebih daripada itu. Jadi, apa ya? Hobi atau pun agen perubahan sosial? Apa yang mendorong? Ok, apa yang mendorong aku untuk percaya hc/punk ini adalah isu politikal yang terkandung di dalamnya. Kenapa? Aku tak rasa ianya hanya musik yang tight,aggresive,laju.etc. Dan bagi aku, tiada bezanya lagi culture yang sudah dilabelkan sub-culture ini jika permainan skill dalam musik lebih diutamakan. Ia akan mentransformasikannya sama dengan sub-culture lain. Boleh aku samakan dengan sub-budaya rempit? Bagi aku kandungannya lebih penting. Mengetahui keadaan semasa dunia yang semakin tenat yang boleh membawa kepada akhirannya? Melihat golongan miskin kais-kais mencari makan. Kanak-kanak miskin tak dapat sumber belajar dengan baik. Anak muda terjerumus ke kancah ignoransi dan datuk-nenek yang harapannya hanya menunggu saat kematian. Secara generalnya adalah ketidakadilan kesan dari sebuah sistem. Agak klise dehh..tapi yang penting Eat the rich!!!

Sudut Biodata

Food Not Bombs Perak dan Perak Diy Attack

Food not bombs di negeri perak adalah dari keberlangsungan kolektif perak D.I.Y attack. Meskipun hampir 2 tahun kedua-dua kumpulan ini pasif dari sebarang aktiviti jalanan, namun kedua-dua kumpulan ini masih aktif mencari teman-teman di luar sana bagi bergabung secara positif menganjurkan aktiviti-aktiviti jalanan seperti pemberian makanan percuma kepada orang lapar di seputar Ipoh, sesi diskusi dan pelbagai lagi. Tahun 2008 ini. Kedua-dua kumpulan ini sedang aktif mempelawa seramai mungkin individu di seputar negeri perak untuk turut terlibat bersama. Apatah erti jeritan 'revolusi' maupun lirikal penuh radikal dan penulisan penuh political jika hari ini anda masih individu bukan komuniti.

Layangkan idea/komunikasi di:

dunianakmuda@yahoo.com





24CALIBERLETTER

24CALIBERLETTER ditubuhkan Ogos 2008 setelah mendapat persetujuan dari beberapa individu untuk menubuhkan sebuah band metalcore. Mereka-mereka ini adalah Dawood (vocal), Zebi-c (guitar), Janggut (guitar), Apih (bass) dan Faramiro (drum). Kami semua berasal dari Kemaman, Terengganu. Pengaruh muzik kami antaranya adalah Saosin, Bullet For My Valentine, Alexis On Fire, At The Drive In, Funeral For A Friend, Slipknot, dan banyak lagi. Kami sekadadr menyebut beberapa sahaja. Demo pertama kami berjudul 'Against Culture' telah diriliskan dipasaran bawah tanah. Untuk mendapatkan cd, bertukar idea, dan berkomunikasi, sila hubungi kami Dawood-0199775015, Zebi-c-0123358462 dan Janggut-013-9952237 atau www.myspace.com/fourtyoneplusnine



